

CNS3956

R PB 30-11 00162 BH499

Bah

Mahathir - Islam

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan meneruskan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam walaupun dasar itu kini terjejas akibat pelbagai tafsiran yang negatif mengenainya.

Kerajaan, yang diterajui oleh Umno, tidak akan berputus asa dan akan terus berusaha menerangkan dengan sejelas-jelasnya akan maksud dan matlamat dasar itu, katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

+Kita penuh yakin jika orang Islam di Malaysia menerap nilai-nilai Islam yang sebenar dan bukan seperti yang ditafsirkan oleh orang yang berkepentingan, kita akan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO.

Beliau memberikan jaminan kepada orang bukan Islam bahawa mereka tidak harus khuatir dengan dasar untuk menerapkan nilai-nilai Islam.

+Tidak ada paksaan dalam Islam. Kita tidak berniat untuk memaksa orang bukan Islam memeluk agama Islam,+ katanya. -- lagi

♥30/11/13-04MST

CNS3957

R PB 30-11 00121 BH500

Bah

Mahathir - Islam 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata, wujudnya kegiatan dakwah yang ekstrim di sebuah negeri bukan kerana disuruh oleh Islam tetapi kerana ada pendakwah-pendakwah itu berpendapat mereka akan mendapat pahala dan ganjaran yang lebih bagi diri mereka di akhirat.

+Sebenarnya ramai daripada mereka yang mendakwa diri mereka sebagai pendakwah Islam lebih asyik mencari salah dan kadang-kadang mengkafirkan orang Islam, daripada minat untuk mengislamkan orang bukan Islam,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masalah mengenai tafsiran agama bertambah apabila ada ulama yang berminat dengan politik.

+Menyedari bahawa kedudukan mereka sebagai ulama memberi pengaruh yang amat kuat kepada mereka, mereka tidak segan-segan menyalahafsirkan agama untuk kepentingan politik diri sendiri,+ katanya. -- Bernama

♥30/11/13-06MST